



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 18 NOVEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MAFI TINJAU KAWASAN PERTANIAN TERJEJAS BANJIR DI DAERAH KLANG, NASIONAL, SH -38	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	MAFI tinjau kawasan pertanian terjejas banjir di daerah Klang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Nov 2022	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	38	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	173 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,938
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,814



## MAFI tinjau kawasan pertanian terjejas banjir di daerah Klang

**SHAH ALAM** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) turun padang bagi meninjau beberapa kawasan pertanian yang terjejas banjir di daerah Klang.

Lawatan itu melibatkan beberapa tapak projek di bawah seliaan Jabatan Pertanian Negeri Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar antaranya tanaman rock melon yang diusahakan oleh Mohd Kamal Radima, tanaman sayur timun milik Muhammad Hasbi Assiddiqi Mohd Nasi serta ternakan lembu dijalankan Muhd Fahrozi Alias.

Lawatan tersebut telah diketuai oleh Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid,

Menurut Haslina, bilik gerakan MAFI seluruh negara telah digerakan serta-merta bagi membantu mangsa banjir terutamanya golongan petani, penternak dan nelayan yang terjejas.

"Pihaknya sentiasa bersiap siaga dan cakna dengan setiap laporan hasil daripada pemantauan yang dijalankan. Jabatan dan agensi melalui MAFI inc akan bertindak memantau dan membantu golongan sasaran yang terjejas berikutan cuaca yang sukar dijangka.

"Kami juga diminta untuk ber-

kerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri bagi memastikan maklumat berhubung penyelaras-an banjir sentiasa dikemas kini serta disampaikan kepada petani dan peternak.

"Antara usaha yang akan dilakukan ialah membuat hebahan awal dan melaksanakan pelan mitigasi bagi mengurangkan kesan kerugian," jelasnya.

Tambah kenyataan itu, kementerian menyediakan pelbagai inisiatif seperti RM10,000 Kit Bantuan berupa produk agromakanan, Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) dan Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) bagi aktiviti agromakanan selain tanaman padi.

"Untuk rekod sehingga Oktober tahun ini, sebanyak RM13.5 juta diperuntukan kepada 2,167 petani yang terjejas akibat bencana bagi sektor tanaman padi melalui TBTP, dan sejumlah RM39.6 juta diberikan kepada 4,833 kumpulan sasaran yang terkesan.

"Ia diberikan sebagai bantuan pasca bencana kepada kumpulan sasaran sektor pertanian dan agromakanan," ujarnya.